

# Kapal, kru kena tahan buang sisa diesel ke laut

BH ms 14 25/08/2019

Kesalahan kali kedua dikesan sepanjang bulan ini

Oleh Nur Saliawati Salberi  
bhnews@bhcom.my

**Alor Gajah:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Melaka/Negeri Sembilan menahan sebuah kapal di kedudukan 3.4 batu nautika di perairan Kuala Sungai Baru, di sini, selepas dipercayai membuang sisa bahan bakar kapal berkenaan ke dalam laut, Khamis lalu.

Pemeriksaan ke atas kapal itu pada jam 11.50 malam turut menahan semua 26 kru kapal berusia antara 23 hingga 51 tahun bagi membantu siasatan.

Pengarahnya, Kepten Maritim Amran Daud, berkata perbuatan

itu dimaklumkan orang awam kepada pihaknya sebelum sepukan penguat kuasa bergegas ke lokasi pada jam 5.15 petang.

Beliau berkata, kapal muatan minyak itu dipercayai dalam perjalanan dari Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor ke Pelabuhan Kuala Linggi.

“Pemeriksaan ke atas kapal itu mendapati terdapat 26 kru terdiri warganegara China, Filipina, Thailand, Myanmar serta Bangladesh.

“Pemeriksaan lanjut mendapati kapal motor tanker (MT) berkenaan melepaskan sisa minyak jenis diesel ke laut,” katanya.

Amran berkata, kesalahan itu adalah kali kedua dikesan pihaknya sepanjang bulan ini.

“Kes akan disiasat mengikut Seksyen 27 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

“Pihak kami memandang serius kesalahan ini kerana ia boleh mendatangkan suasana tidak sihat selain kerjasama orang ramai dalam menyalurkan maklumat amat diharapkan,” katanya.



Kapal ditahan APMM Melaka dan Negeri Sembilan disyaki membuang sisa bahan bakar di perairan Kuala Sungai Baru.